

09 OKTOBER 2017

Semakin ramai pelajar, nelayan ambil dadah sintetik

Semakin ramai pelajar, nelayan ambil dadah sintetik

[FOTO HAIRUL ANUAR RAHIM/BH]



Nur Jazlan (tengah) bergambar dengan penghulu pada majlis perasmian Persidangan Perwakilan Tahunan Kesatuan Penghulu Penggawa Semenanjung Malaysia Ke-43, di Johor Bahru, semalam.

Johor Bahru: Dadah sintetik jenis Amphetamine Type Stimulant (ATS) terutama pil ecstasy dan amphetamin menjadi pilihan baharu menggantikan dadah tradisional seperti ganja, heroin dan morfin.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Nur Jazlan Mohamed, berkata dadah yang diproses dengan campuran bahan kimia itu, dijual semurah RM5 dan popular dalam kalangan pelajar, nelayan serta penduduk FELDA.

Katanya, dadah ATS dikesan di *hot spot* terutama perumahan murah di Lembah Klang dan perkampungan nelayan di Kedah, Perlis dan Kelantan, selain kawasan FELDA di Pahang.

Ketika hadapi peperiksaan

"Dulu penagih ambil dadah seperti ganja dan heroin, kini mereka ambil *designer drug* ATS.

"Bagi pelajar sekolah dan universiti, mereka biasanya guna dadah ATS untuk menghadapi peperiksaan disebabkan tidak me-

lakukan persediaan.

"Jika ambil dadah itu, mereka dapat bertahan ketika mengulang kaji pada saat akhir," katanya selepas Persidangan Perwakilan Tahunan Kesatuan Penghulu Penggawa Semenanjung Malaysia Ke-43, di sini semalam.

Sehubungan itu, Nur Jazlan berkata, pihaknya bekerjasama dengan pegawai daerah dan penghulu bagi merangka strategi membantaras dadah terutama di kawasan FELDA dan perkampungan nelayan.

"Masalah dadah berlaku di seluruh negara di tempat yang ramai orang. Sekarang *hot spot* kes dadah yang dikenal pasti di bandar ialah perumahan flat, manakala di luar bandar di kawasan nelayan dan FELDA.

"Pelajar juga beli dadah. Heroin dan kokain mahal, ganja juga mahal, tetapi *chemical drug* seperti ATS dan pil psicotropik boleh dibeli dengan harga hanya beberapa ringgit, ada harga RM5 sahaja," katanya.